

11 MAY 1998

Mahathir-Pelajar

PM MAHU PELAJAR DI MESIR KUASAI PELBAGAI ILMU

Oleh: Azman Ujang

KAHERAH, 11 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pelajar-pelajar Malaysia di Mesir tidak hanya menguasai ilmu berhubung Islam tetapi pelbagai ilmu sebagai persiapan mereka menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara di masa akan datang.

Katanya walaupun pendidikan keagamaan itu penting, Islam sendiri menuntut supaya umatnya tidak mengabaikan penguasaan pelbagai ilmu demi kemajuan dan kesejahteraan mereka.

"Ini bermakna kita mengabaikan tanggungjawab kita sebagai orang Islam jika kita tidak menguasai ilmu yang mampu menjamin kekayaan umat Islam. Jika kita tiada ilmu, kita akan jadi miskin," katanya ketika berdialog dengan sekumpulan pelajar Malaysia di kediaman Duta Besar Malaysia ke Mesir di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai menjawab komen seorang pelajar bahawa oleh kerana majoriti kira-kira 5,000 pelajar Malaysia di Mesir mengikuti pendidikan dalam bidang Islam, mereka kemungkinan besar akan "terpinggir dan berada jauh di pinggir" oleh pembangunan pesat negara terutama dalam bidang teknologi maklumat (IT).

Perdana Menteri berkata sama ada suka atau tidak suka, pelajar-pelajar Malaysia mesti menguasai IT yang juga penting dalam bidang keagamaan.

Dengan IT, beliau berkata penyebaran ajaran agama Islam akan menjadi lebih berkesan kerana boleh diterima oleh lebih ramai orang termasuk melalui Internet.

"Kita mesti kuasai alat baru seperti IT. Tidak cukup dengan hanya belajar agama sahaja. Sebaliknya mestilah ada satu pendekatan holistik terhadap kandungan pendidikan yang kita pelajari," katanya.

Dalam dialog itu, beliau diberitahu bahawa seperti juga pelajar Malaysia di negara-negara lain, krisis ekonomi di Malaysia juga menjejaskan pelajar Malaysia di Mesir.

Seorang wakil pelajar berkata Persatuan Pelajar Malaysia di Mesir telah menulis surat kepada sektor swasta di Mesir meminta bantuan kewangan bagi meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh pelajar, yang kebanyakan berada di sini dengan pembiayaan sendiri.

"Saya harap tindakan kami ini tidak dilihat sebagai menjatuhkan imej Malaysia. Kami memang memerlukan bantuan," kata wakil pelajar itu.

Beliau juga berkata ekoran krisis kewangan itu, Universiti Al-Azhar yang menempatkan sebahagian besar pelajar Malaysia di Mesir, tahun lepas telah mengeluarkan bantuan berjumlah 75,000 paun Mesir (AS\$1=3.4 paun) kepada pelajar Malaysia.

Bantuan itu tahun ini digandakan kepada 170,000 untuk diagihkan kepada pelajar di empat universiti di negara ini.

Perdana Menteri berkata beliau bersimpati dengan keadaan kewangan pelajar di sini tetapi mengakui bahawa kerajaan kini tidak lagi mampu untuk menampung kos pendidikan di luar negara yang semakin meningkat ekoran kejatuhan mendadak nilai ringgit.

"Seberapa yang boleh, baliklah ke tanah air. Kerajaan sudah tak mampu sekarang. Kita akan menambah tempat-tempat belajar dalam negara kita sendiri," kata Dr Mahathir.

Terdahulu itu, pelajar Malaysia di Kaherah mendapat pujian daripada Iman Besar Al-Azhar, Mohamed Sayed Tantawi, tokoh ketua masyarakat Islam Mesir yang diberi sama taraf protokol dengan Perdana Menteri di negara ini.

Dalam pertemuannya dengan Dr Mahathir di pejabat di Universiti

Al-Azhar, Tantawi berkata beliau mengambil perhatian peribadi mengenai kebajikan pelajar Malaysia di sini yang beliau sifatkan sebagai kumpulan pelajar yang berdisiplin dan tekun mengikuti pengajian masing-masing.

Katanya prestasi pelajar Malaysia dalam peperiksaan juga amat memuaskan dan boleh menjadi contoh kepada pelajar-pelajar dari negara-negara lain.

-- BERNAMA

AU NAK